



ISTANA BUDAYA  
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

## NOTIS SEBUT HARGA

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SECARA *NON-COMPREHENSIVE* BAGI INFRASTRUKTUR SIVIL DAN STRUKTUR SERTA LAIN-LAIN KERJA PENYELENGGARAAN DI BANGUNAN PANGGUNG DAN BANGUNAN PENTADBIRAN, ISTANA BUDAYA BAGI TEMPOH 12 BULAN

SEBUT HARGA ISTANA BUDAYA : SH/IB/400-10/08/SH 29-2024

### 1. PELAWAAN

Sebut harga ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor tempatan di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur yang berdaftar dengan: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan mempunyai sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK); Sijil Taraf Bumiputera (STB); Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah dalam GRED G3; KATEGORI B; PENGKHUSUSAN; B04 (Kerja-Kerja Pembinaan Bangunan) atau B24 (Kerja Penyelenggaraan Bangunan)

(Tempoh sah sijil-sijil hendaklah tidak kurang 60 hari dari tarikh tutup iklan ini)

### 2. TAKLIMAT SEBUT HARGA DAN LAWATAN TAPAK

Kontraktor adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak pada **22 Oktober 2024 (Selasa) jam 10.00 Pagi**. Kontraktor dikehendaki berkumpul di **Bilik Seri Nilam, Bangunan Panggung, Istana Budaya** pada tarikh dan masa yang ditetapkan. **Sila bawa sijil PPK asal, sijil STB asal dan sijil SPKK asal berserta satu salinan setiap sijil; Hanya penama yang tercatat dalam sijil sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak ini. Surat Kebenaran Khas CIDB adalah tidak dibenarkan.** Taklimat sebut harga akan hanya diadakan sekali sahaja.

### 3. PEMBELIAN DOKUMEN SEBUT HARGA

**SILA BAWA CAP RASMI SYARIKAT** untuk urusan pendaftaran dan Sijil Lawatan tapak. Sijil Lawatan Tapak, Borang Sebut Harga dan muka depan Dokumen Sebut Harga akan diberikan selepas tamat lawatan tapak. Dokumen Sebut Harga akan dikeluarkan secara *softcopy* melalui **e-mel rasmi syarikat yang aktif sahaja (e-mel persendirian tidak dibenarkan)** kepada Kontraktor yang sah bermula dari tarikh **22 hingga 23 Oktober 2024**. Kontraktor perlu memuat turun dan mencetak keseluruhan dokumen sebut harga tersebut serta melengkapkan segala maklumat yang berkaitan termasuk Borang Sebut Harga Kerja dan muka depan Dokumen Sebut Harga yang dikeluarkan dalam bentuk *hardcopy*.


### 4. TARIKH DAN TEMPAT TUTUP SEBUT HARGA

Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap dan dipastikan teratur hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Lobi, Bangunan Pentadbiran, Istana Budaya, Jalan Tun Razak, 50694 Kuala Lumpur** tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari**, pada tarikh tutup Sebut Harga **28 Oktober 2024 (Isnin)**.

### 5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan sila e-mel ke [zul@istanabudaya.gov.my](mailto:zul@istanabudaya.gov.my)

Tandatangan  
Nama Penandatangani  
Jawatan  
Tarikh

  
: SYAHRULAZAM BIN AMIN  
: Pengarah Teknikal  
: Bahagian Teknikal  
: h.p. Ketua Pengarah  
: ISTANA BUDAYA  
: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya  
: Malaysia